



## **TEKS UCAPAN YAS KETUA PENGARAH**

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana kita telah dipertemukan pada pagi yang berbahagia ini, iaitu dalam upacara perbarisan tahunan JBPM 2012. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran dif-dif jemputan, diiringi ucapan jutaan terima kasih di atas kesudian melapangkan masa untuk bersama-sama di dalam majlis ini. Sesungguhnya kehadiran dif-dif sekalian memberi makna besar kepada kami di JBPM yang juga menunjukkan sokongan padu dif-dif

sekalian kepada perjuangan warga JBPM selama ini. Pada kesempatan awal ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2012 kepada semua dan juga selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada rakan berketurunan Cina dengan harapan semoga bergembira dan jangan lupa, keselamatan di jalan raya, di rumah atau di mana-mana, jangan sekali-kali kita abaikan.

### **Hadirin yang dihormati,**

1. Tahun 2011 yang baru beberapa hari meninggalkan kita, telah banyak meninggalkan kenangan pahit dan manis kepada kita semua. Pada 11 Mac 2011 kita telah dikejutkan oleh suatu berita gempa bumi berskala 8.9 richter yang berlaku di Negara Jepun yang disusuli oleh

tsunami mengakibatkan kematian seramai lebih 15,000 orang. Kejadian itu telah menyebabkan pula kebocoran kepada loji nuklur Fukushima yang menambahkan lagi kerumitan kepada keadaan yang telah sedia rumit, sehingga PM Jepun mengungkapkan bahawa “inilah krisis yang paling perit dan sukar buat Jepun dalam masa 65 tahun selepas berakhirnya perang dunia kedua”. Bagi kita di JBPM, di samping melihat bagaimana dahsyatnya kejadian itu dan bersimpati, dalam masa yang sama, kita merasa teramat kagum dengan keberanian, kesungguhan dan kecekalan pasukan penyelamat di Negara itu menangani bencana sedemikian besar dengan cekap dan tabah. Kita yakin bahawa kecekapan dan kemampuan mereka tidak datang secara kebetulan, tetapi

adalah melalui perancangan dan persiapan yang rapi selama bertahun-tahun, serta latihan dan keazaman yang tinggi yang kita tahu ada pada setiap warga penyelamat di Negara berkenaan. Pada tahun lepas juga kita melihat bagaimana dahsyatnya bencana banjir yang melanda Negara jiran di utara kita iaitu Thailand. Bencana yang berlaku selama 3 bulan iaitu dari September hingga November 2011 itu telah meragut nyawa seramai 365 orang dengan kerugian berbillion ringgit. Walaupun Negara kita dengan izin Allah tidak diuji dengan bencana sebegitu besar pada tahun lepas, namun kedua-dua kejadian bencana besar tadi seharusnya memberi kesedaran kepada kita bahawa “it is always prudent to get ourselves prepared.”

## **Hadirin yang dihormati,**

2. Barangkali elok juga saya sebutkan satu kejadian di Negara kita yang patut menjadi pengajaran kepada kita semua iaitu kejadian keretapi berlanggar dengan sebuah lori yang penuh dengan muatan petrol yang berlaku pada 31 Oktober 2011. Walaupun dalam kejadian ini tiada kehilangan nyawa berlaku namun pengajaran penting yang boleh kita ambil dari peristiwa ini ialah apabila kita selalu melanggar undang-undang atau amalan yang baik, kita akhirnya akan terbiasa dan tidak lagi memberi perhatian kepada perkara tersebut sehinggalah akhirnya kita ditimpa bencana. Oleh itu adalah amat wajar kita sentiasa mematuhi undang-undang dan amalan-amalan baik yang akhirnya

dalam jangka masa panjang akan menguntungkan kita semua.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Pada tahun lepas JBPM telah respons kepada sebanyak 61,194 panggilan kecemasan terdiri dari 28,741 kebakaran, 31,028 menyelamatkan dan khidmat kemanusiaan serta 1,425 panggilan dalam kategori tugas-tugas khas. Bilangan panggilan kecemasan ini meningkat sebanyak 10.5% berbanding dengan tahun 2010. Walau bagaimanapun bilangan kebakaran telah menurun sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah kerugian harta benda akibat kebakaran telah meningkat sedikit iaitu sebanyak 927 juta ringgit berbanding 756 juta ringgit pada tahun 2010.

Namun angka ini masih lebih rendah berbanding kerugian pada tahun 2008 dan 2009 yang mencecah satu billion ringgit. Angka korban akibat kebakaran juga telah menurun sedikit iaitu dari seramai 89 orang pada tahun 2010 kepada 80 orang sahaja pada tahun lepas. Secara keseluruhannya, perangkaan kebakaran di Negara kita kebelakangan ini telah menunjukkan *improvement* yang memberangsangkan. Saya meletakkan *improvement* ini kepada 4 faktor utama iaitu

- i) peningkatan kesedaran kebakaran di kalangan umum,
- ii) sistem keselamatan kebakaran yang baik di bangunan-bangunan,

iii) response time yang lebih cepat kerana taburan balai yang lebih baik, dengan itu kebakaran dapat ditangani dengan lebih awal dan

iv) kecekapan warga JBPM termasuk bomba sukarela menangani kemalangan yang berlaku. Tahniah kepada semua di atas peranan yang dimainkan sehingga kita dapati perangkaan kebakaran yang lebih baik pada tahun lepas.

### **Hadirin yang dihormati,**

4. Bagi saya, tahun 2012 tidak menjanjikan sesuatu yang lebih baik dari tahun sebelumnya. Pada bila-bila masa dan di mana sahaja bencana boleh melanda. Oleh itu kita semua perlu sentiasa bersiap sedia, dari segi

kelengkapan, latihan dan perancangan strategik bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku. Kepada orang ramai pula kita mengharapkan peningkatan yang berterusan dalam aspek kesedaran keselamatan kebakaran dan bencana. Dengan itu barulah tahun ini menjanjikan harapan yang lebih baik kepada kita semua.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Bagi kita di dalam perkhidmatan awam, Tahun 2012 menandakan bermulanya skim baru perkhidmatan awam atau SBPA. Walaupun terdapat desas desus di sana sini berhubung skim ini, namun umum mengakui bahawa secara keseluruhannya skim ini jauh lebih baik dari skim perkhidmatan sebelum ini. Skim perkhidmatan

yang baru ini merupakan persediaan Negara untuk menjadi sebuah Negara maju berpendapatan tinggi dalam masa yang amat dekat sahaja lagi iaitu 8 tahun dari sekarang. Skim ini dengan ganjaran yang lebih baik kepada penjawat awam menuntut lonjakan berganda dari segi sikap atau *mind-set* dan juga dedikasi serta profesionalisme yang tinggi dari kita semua. Jika tidak, akan sia-sialah perbelanjaan tinggi yang digunakan yang merupakan wang rakyat sekiranya rakyat tidak merasakan faedah dari perubahan yang dilakukan. Oleh itu saya menyeru kepada seluruh warga JBPM, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam dan iltizam kita untuk terus meningkatkan usaha kita bagi memperbaiki lagi kecekapan dan kemampuan

kita supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat yang telah meletakkan tanggungjawab itu kepada kita dan kita telah berjanji untuk memikul tanggungjawab itu sebaik kita melangkah kaki ke dalam Jabatan ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Jabatan akan meneruskan agenda pembangunan pada tahun ini dengan pembinaan sebanyak 6 buah balai baru, 3 buah ibu pejabat bomba negeri yang baru dan sebuah pusat RnD di Enstek Negeri Sembilan. Jabatan juga dalam proses perolehan sebanyak 100 buah lagi jentera bomba yang baru yang di terima sebelum akhir tahun ini. Dengan adanya balai bomba dan jentera bomba yang baru,

diyakini jabatan akan berupaya memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. Jabatan juga sentiasa memberi perhatian kepada kecekapan dan kompetensi warganya menerusi latihan yang berterusan dalam pelbagai bidang kemahiran khususnya dari segi *tactical* kerana kita berpandangan bahawa hanya warga yang terlatih akan berupaya menghasilkan mutu perkhidmatan yang terbaik.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Sebelum mengundur diri, saya berdoa ke hadhrat Allah s.w.t agar diberi kekuatan dan keberanian kepada kita semua untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita dengan amanah dan integriti. Saya juga ingin

mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada para professional khususnya *fire engineers* dan arkitek, para *fire contractors*, pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu yang telah bersama-sama menjayakan misi dan visi jabatan selama ini. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan selamat tahun baru 2012 dan selamat tahun baru cina. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa perbarisan tahunan 2012 di atas kejayaan menganjurkan majlis ini. Akhir sekali marilah kita bersatu hati untuk membentuk satu pasukan yang kukuh beserta dengan keyakinan dan keazaman yang tinggi bahawa kita akan menjadi sebuah organisasi yang cemerlang yang berupaya memberi

perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat  
Negara ini.

**Sekian, Walbilahi Taufik Walhidayah...  
Wasalamualaikum Warahmatullah Hiwabarukatuh  
..... Terima Kasih.**